

## BIDANG KEPAKARAN

1. Geologi Pemuliharaan  
(*Conservation Geology*)
2. Geopelancongan  
(*Geotourism*)
3. Pengurusan Sumber Tabii  
(*Natural Resources Management*)



DR. TANOT UNJAH

## PROFIL

Tanot Unjah merupakan felo penyelidik di LESTARI dan juga merupakan Timbalan pengarah di Pusat Hubungan Antarabangsa UKM. Penglibatan beliau dalam penyelidikan melebihi 18 tahun pengalaman berkaitan bidang geologi pemuliharaan dan 10 tahun masing-masing bagi bidang geopelancongan dan pengurusan sumber tabii. Penyelidikan berkaitan geologi pemuliharaan telah menjadikan beliau sebagai setiausaha kumpulan penyelidikan Warisan Geologi Malaysia selama 12 tahun dan Pengerusi Bersama semenjak 2022. Di peringkat kebangsaan beliau telah dilantik oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (MRE) sebagai urusetia kedua Jawatankuasa Pelaksana Geopark Kebangsaan selama 5 tahun dari 2013-2017 sebelum dijadikan ahli pakar pada 2018 hingga sekarang di bawah Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA). Pengalaman beliau juga telah membawa kepada perlantikan sebagai Ahli Jawatankuasa Bertindak Warisan Geologi di peringkat Jabatan Mineral dan Geosains yang diwujudkan pada tahun 2019 bagi menyelaraskan semua aktiviti berkaitan pemuliharaan sumber warisan geologi di bawah jabatan berkenaan. Kepekaran beliau diiktiraf oleh Badan Geologi Profesional semenjak 2018, dan dilantik sebagai pengerusi teknikal Geoheritage and Geopark di bawah Institut Geologi Malaysia. Aplikasi penyelidikan beliau telah diterjemahkan dalam bentuk pemuliharaan sumber tabii di Malaysia bermula dengan pewujudan Taman Negeri Stong yang dalam proses untuk dijadikan projek geopark, manakala kajian Doktor falsafah telah menyokong pembangunan dan pengiktirafan Langkawi UNESCO Global Geopark. Pada masa yang sama beliau turut terlibat aktif dalam menyediakan kursus dan modul untuk pelbagai agensi dan komuniti berkaitan geopark dan pemuliharaan tabii didalam dan luar negara. Antara kursus peringkat serantau dan antarabangsa adalah kursus Geoheritage and Geopark kerjasama antara Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia - MALINDO, CCOP, MT-JGSC, Regional Geological Survey of Indonesia dan Department of Mineral Resources Thailand (DMR). Manakala Geopark, Geoheritage and Geotourism Course dibawah Asia Pacific Geopark Network (APGN) semenjak 2015. Perlantikan beliau sebagai ketua Program Warisan Geologi dan Landskap di Pusat Penyelidikan Langkawi juga telah memberikan peluang melaksanakan pelbagai program kepada komuniti setempat serta pelajar antarabangsa berkaitan geologi pemuliharaan, pemuliharaan terintegrasi sumber warisan dan geopelancongan.